

Latarbelakang Pertubuhan Orang Cacat Cina Malaysia (OCCM)

Pertubuhan Orang Cacat Cina Malaysia (OCCM)<sup>18</sup> telah ditubuhkan pada 27hb. April 1977. Ia merupakan satu pertubuhan kebajikan sukarela khas untuk orang cacat kecacatan fizikal atau lumpuh yang telah dibentuk untuk kaum Cina. Pertubuhan ini pada mulanya telah dikelolakan oleh beberapa orang cacat Cina yang merasa kecewa memandangkan kehidupan orang cacat yang sekian lama ini begitu terbiar. Orang cacat selalu dipandang rendah dan dianggap tidak berguna atau tidak produktif untuk negara, bahkan lebih teruk lagi ada yang menyifatkan orang cacat sebagai golongan masyarakat yang membebankan negara kerana kerajaan terpaksa membelanjakan berjuta-juta ringgit pada setiap tahun bagi membiayai kerja kebajikan untuk orang cacat. Pada hakikatnya banyak masalah yang sedang dihadapi oleh orang cacat adalah di luar pengetahuan orang biasa. Di antara masalah-masalah yang terpaksa dihadapi oleh orang cacat di negara kita, khususnya, adalah seperti berikut :

(a) Mereka menghadapi kesukaran untuk memperolehi peluang pekerjaan supaya dapat hidup berdikari sebagai anggota masyarakat yang berguna.

(b) Negara kita kekurangan sekolah-sekolah yang dileng-

kapkan dengan kemudahan-kemudahan yang sesuai untuk kegunaan orang cacat. Ini membawa kepada kadar keciciran yang tinggi di kalangan orang cacat.

(c) Negara kita kekurangan pusat latihan/pemulihan yang dapat memberi latihan kemahiran kepada orang cacat. Beberapa pusat yang ada sekarang sememangnya tidak dapat memenuhi keperluan orang cacat yang begitu ramai.

(d) Masalah Pengangkutan : Pihak yang mengendalikan kenderaan awam sebahagian besarnya tidak memberi pertimbangan kepada kemudahan dan keperluan orang cacat. Oleh itu kebanyakan orang cacat terpaksa menggunakan perkhidmatan taksi yang secara langsung membebankan jumlah perbelanjaan mereka. Selain daripada itu, kerap kali mereka berasa kecewa apabila pemandu taksi tidak rela untuk memberi perkhidmatan kerana menganggap mereka terlalu 'leceh'.

(e) Masalah Mobiliti : Kerap kali orang cacat menghadapi masalah mobiliti bukan kerana kecacatan fizikal mereka tetapi kerana kekurangan kemudahan di bangunan dan tempat awam yang sesuai untuk kegunaan orang cacat. Misalnya telefon khas (memandangkan telefon awam yang terlalu tinggi tidak sesuai untuk kegunaan orang cacat yang menggunakan kerusi beroda), tempat letak kereta atau motorsikal untuk kenderaan orang cacat, ramp (jalan curam) yang sesuai, tandas-tandas khas dan sebagainya.

(f) Pemikiran Kuno : Walaupun masyarakat kita telah jauh lebih maju jika dibandingkan dengan berpuluh-puluh tahun yang dahulu, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa masih terdapat anggapan yang ketinggalan zaman dalam sanubari orang ramai terhadap imej orang cacat. Keadaan ini terutamanya wujud di kalangan penganut agama Buddha dan Hindu. Penganut kedua-dua agama tersebut percaya 'jika seseorang berkelakuan baik, ia akan menerima anugerah dari Tuhan; tetapi sebaliknya jika ia berkelakuan jahat, ia akan menerima balasan darinya.' Maka sekiranya terdapat ahli keluarga yang cacat anggota badannya, sudah pasti salah seorang daripada ibu bapa atau nenek moyang mereka telah melakukan kesalahan dan kini menerima balasan dari Tuhan. Dengan demikian, keluarga yang mempunyai anak cacat menganggap hal ini adalah amat hina. Ibu bapa akan 'menyimpan' atau 'menyembunyikan' anak-anak cacat mereka dalam rumah supaya tidak menjatuhkan maruah keluarga mereka. Anak mereka tidak diberi peluang untuk maju dan tidak dapat menyesuaikan diri dalam kehidupan mereka yang agak berlainan dengan orang sihat. Ini seolah-olah telah memutuskan harapan mereka untuk terus hidup. Keadaan ini adalah sebaliknya dalam ajaran agama Islam dan Kristian di mana penganut kedua-dua agama ini menerima apa sahaja dalam kehidupan sebagai takdir Tuhan, mereka dapat menerima hakikat kecacatan dan menyesuaikan diri dalam kehidupan mereka yang penuh dengan cabaran.

(g) Kekurangan Tektik Mengasuh : Masalah ini terutamanya wujud dalam keluarga miskin di kawasan luar bandar di mana ahli-ahli keluarga kebanyakannya kekurangan pengetahuan dalam menjaga dan mendidik anak-anak mereka yang cacat. Keadaan ini menyebabkan sebahagian besar orang cacat bersikap pasif. Ini bertambah buruk apabila mereka terlalu dimanjakan sehingga membentuk personaliti yang sukar berinteraksi dengan orang lain.

Sebab-sebab di atas telah menjadi asas perubuhan Pertubuhan OCCM. Tujuan atau objektifnya adalah seperti berikut :

- 1) Untuk membantu ahli-ahlinya menyesuaikan diri dalam kehidupan serta dapat hidup berdikari sebagai anggota masyarakat yang benar-benar aktif.
- 2) Untuk menggalakkan penyertaan dan penglibatan ahli-ahlinya dalam aktiviti sosial supaya mereka menjadi ahli masyarakat yang benar-benar aktif.
- 3) Untuk memupuk perhubungan dan perpaduan di antara orang cacat. Tujuan ini dikatakan amat penting supaya orang cacat dapat berkumpul dan menjadi suatu tenaga yang kuat untuk menuntut hak orang cacat sebagai sebahagian daripada masyarakat yang selama ini terbiar.

Pertubuhan OCCM merupakan satu badan kebajikan

sukarela persendirian yang tidak menerima bantuan geran daripada Kementerian Kebajikan Masyarakat Negara. Sumber kewangannya bergantung kepada derma orang ramai dan pendapatan tersebut digunakan untuk membiayai keperluan-keperluan tertentu, misalnya kos penyaraan Pertubuhan dan juga bantuan kewangan untuk kepentingan ahli.

Derma kepada Pertubuhan telah dibuat dengan beberapa cara. Pada peringkat awal penubuhannya, Pertubuhan OCCM telah cuba mewujudkan kesedaran masyarakat tentang kewujudan dan keperluan Pertubuhan, misalnya melalui projek derma darah dari ahli-ahlinya, pertandingan nyayian, seruan di akhbar dan sebagainya. Selepas nama Pertubuhan berjaya diperkenalkan di kalangan rakyat, maka keperluan Pertubuhan akan dapat diketahui, maka orang ramai lebih rela untuk memberi pertolongan kepada Pertubuhan. Biasanya, Pertubuhan OCCM memunggut derma melalui aktiviti-aktiviti seperti majlis peramaian, konsert kebajikan oleh artist-artist dari dalam atau luar negeri, dan juga dari setengah-setengah organisasi seperti bank, syarikat-syarikat swasta dan lain-lain lagi. Sebagai contoh, Pertubuhan telah berjaya memunggut derma sebanyak \$31,297.15 pada tahun 1989. Berikut merupakan ringkasan kedudukan kewangan Pertubuhan OCCM yang dipetik dari Laporan Tahunan Pertubuhan 1989.

Jadual 2

Baki Pertubuhan OCCM pada 31hb.Dis 1989

Tunai di bank	\$48,148.39
Simpanan Tetap	\$35,367.85
Tunai di tangan	\$ 26.76
Jumlah Besar	\$83,543.00

Kebanyakan pendapatan Pertubuhan, seperti yang telah disebutkan, adalah untuk membiayai keperluan ahli-ahli. Seseorang ahli yang inginkan bantuan, sama ada bantuan kewangan atau barangan, perlu memohon kepada pihak pentadbir Pertubuhan, hanya mereka yang didapati benar-benar memerlukan bantuan sahaja yang akan mendapat bantuan. Menurut laporan dari Bahagian Kebajikan Pertubuhan OCCM, seramai 33 orang ahli telah diberi bantuan pada tahun 1989, iaitu 16 orang ahli mendapat kerusi beroda, 4 orang ahli mendapat anggota palsu, seorang mendapat tongkat, seorang mendapat mesin taip elektrik, seorang mendapat 'spare part' kerusi beroda, seorang mendapat bantuan wang untuk membeli bahan mentah dalam perniagaan membuat perabotnya, 2 orang mendapat bantuan wang kerana ibu/bapa mereka telah meninggal dunia dan 7 orang mendapat 'Ang Pau' dari Pertubuhan apabila mereka berkahwin.


Kerja-kerja pentadbiran Pertubuhan dikendalikan oleh suatu badan ahli jawatankuasa yang terdiri daripada mereka yang telah dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Struktur pentadbirannya ditunjukkan dalam rajah 1.

Seperti yang telah digambarkan dalam rajah, Pertubuhan OCCM diketuai oleh satu jawatankuasa pentadbiran yang terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari, Penolong Bendahari, Juruaudit, Ahli Jawatankuasa Biasa dan juga bahagian-bahagian seperti Kebajikan, Rekreasi serta Budaya dan Pendidikan. Di samping itu, seorang Setiausaha Executive ditugaskan untuk mengendalikan kerja-kerja pekerjaan Pertubuhan. Di peringkat negeri pula, satu jawatankuasa khas telah dilantik oleh jawatankuasa peringkat kebangsaan untuk mengendalikan pentadbiran di negeri masing-masing. Kesemua ahli jawatankuasa yang tersebut adalah dipilih di kalangan ahli-ahli yang menganggotai Pertubuhan. Pusat pentadbiran Pertubuhan terletak di 1265, Jalan 17/31, 46400 Petaling Jaya, Selangor, di sebuah rumah bangalow dua tingkat. Tingkat bawah dijadikan pejabat dan bilik mesyuarat Pertubuhan, manakala bilik di atas disewakan kepada orang lain (bukan ahli).

Selama 14 tahun sejak dari penubuhannya, jumlah ahli Pertubuhan yang dikira berakhir pada bulan Jun, 1991 adalah lebih daripada 900 orang. Ahli-ahlinya datang dari

Rajah 1

Struktur Pentadbiran Pertubuhan OCCM



Sumber : Laporan Tahunan Pertubuhan OCCM, tahun 1989.

seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Taburan ahli



pertubuhan ini secara kasar, menurut senarai ahli ditunjukkan dalam jadual yang berikut:

Jadual 3

Taburan Ahli Pertubuhan OCCM Mengikut Peratus, Tahun 1991

Peratus Ahli	Negeri
40%	Selangor, Kuala Lumpur
15%	Pulau Pinang
10%	Perak
10%	Johor
10%	Kedah
15%	Melaka, Pahang, Sabah, Sarawak, Terengganu, Kelantan, Negeri Sembilan

Sumber : Diubahsuai dari Senarai Nama Ahli pertubuhan dan Laporan Tahunan Pertubuhan, tahun 1989 dan 1990.

Proses kemasukan ahli adalah mudah. Seseorang orang cacat kaum Cina yang ingin menganggotai pertubuhan ini hanya perlu mengisi borang penyertaan dan membayar \$10 sebagai yuran tahunan atau \$100 sebagai yuran ahli seumur hidup. Pada setiap tahun, Pertubuhan akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya di salah sebuah hotel di Kuala Lumpur. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, Pertubuhan mengambil kesempatan

menganjurkan pertandingan nyayian karaoke sempena mesyuarat agung tahunan untuk meraikan lagi suasana dan merapatkan perhubungan sesama ahli memandangkan inilah satu-satu masa bagi semua ahli dari seluruh negara berkumpul dan berkenalan di antara satu sama lain.

Banyak aktiviti dianjurkan oleh Pertubuhan OCCM untuk ahli-ahlinya. Aktiviti-aktiviti Pertubuhan terbahagi kepada dua iaitu aktiviti jangka pendek dan aktiviti jangka panjang.

#### (i) Aktiviti Jangka Pendek

Di bawah aktiviti jangka pendek, Pertubuhan pernah menganjurkan aktiviti seperti pertandingan nyayian yang bertujuan untuk mencungkil bakat terpendam orang cacat dalam bidang nyayian. Pertandingan tarian yang telah dianjurkan oleh salah sebuah disko di Kuala Lumpur khas untuk ahli Pertubuhan OCCM, menurut laporan bahagian Rekreasi, telah berjaya membuka mata orang ramai bahawa orang cacat juga mampu menari. Di samping itu, Pertubuhan juga ada menganjurkan aktiviti sukan misalnya kelas berenang untuk menyihatkan badan orang cacat, majlis meraikan Tahun Baru Cina, Hari Krismas, Malam Tanglung dan sebagainya untuk merapatkan hubungan ahli-ahlinya. Aktiviti-aktiviti jangka pendek yang sedemikian selain daripada membawa kebaikan

seperti yang telah disebutkan, ia juga dapat mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat tentang kewujudan dan keperluan sebenar sesebuah pertubuhan orang cacat dan menyedarkan orang ramai bahawa orang cacat juga merupakan orang biasa yang mampu melakukan apa yang dilakukan oleh orang sihat. Di samping itu, aktiviti yang beraneka jenis ini juga dapat menarik masuk lebih ramai orang cacat masuk menynggotai Pertubuhan.

#### (ii) Aktiviti Jangka Panjang

Menurut Setiausaha Executive Pertubuhan, berdasarkan kajian tidak formal yang telah dijalankan di kalangan ahli Pertubuhan, hampir setengah daripada mereka adalah menganggur. Di samping itu, kadar keciciran dalam bidang pelajaran yang tinggi di kalangan ahli juga mengurangkan peluang orang cacat daripada mencapai kemajuan. Dengan demikian, beberapa rancangan penting telah disarankan oleh pihak Pertubuhan untuk mencapai matlamat dan aspirasi Pertubuhan dalam memberi bantuan kepada orang cacat ini. Antara lain rancangan/aktiviti jangka panjang Pertubuhan adalah seperti berikut :

a) Menyediakan program latihan kemahiran untuk orang cacat supaya dapat mencungkil kemahiran mereka yang terpendam agar mereka mampu hidup berdikari tanpa bergantung kepada

bantuan kewangan orang ramai sepanjang umur hidup. Misalnya kelas menghiasi bunga, kelas menjahit dan sebagainya.

b) Menyediakan perkhidmatan rawatan, bantuan kewangan untuk membeli anggota palsu, kerusi beroda dan alat-alat lain yang diperlukan oleh orang cacat, membantu mendapatkan peluang persekolahan dan pekerjaan serta perkhidmatan kaunselling.

c) Mendirikan kilang latihan dan kedai perniagaan. Projek ini bukan sahaja dapat menjalankan rancangan program latihan yang tersebut di atas, tetapi juga memberi peluang kepada ahli untuk mempelajari cara perniagaan. Di samping disediakan peluang pekerjaan kepada ahli.

d) Memberi pinjaman kepada mereka yang memerlukan modal untuk memulakan sesuatu perniagaan. Seseorang ahli yang ingin mendapatkan pinjaman harus diwakili oleh seorang peguam dan menghantarkan suatu salinan projek mereka kepada pihak pentadbiran Pertubuhan. Hanya permohonan yang diluluskan dalam Mesyuarat Executive Pertubuhan sahaja akan diberi pinjaman. Jumlah pinjaman adalah berdasarkan kepada jenis perniagaan yang dicadangkan oleh para pemohon. Manakala kadar bunga pinjaman yang harus dibayar oleh peminjam adalah bergantung kepada keputusan para pentadbir. Jika mereka mendapati peminjam benar-benar tidak mampu membiayai kadar bunga yang tinggi, maka kadar bunga yang berpatutan akan

dikenakan.

e) Mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat supaya mereka melibatkan diri dalam memberi perkhidmatan kepada golongan yang kurang bernasib baik ini.

Untuk melicinkan pelaksanaan rancangan-rancangan yang tersebut, pertubuhan bercadang untuk membina bangunan pentadbiran dan latihan mereka sendiri yang setinggi 6 tingkat. Segala struktur, rekaan dan kemudahan dalam bangunan adalah disesuaikan untuk kegunaan orang cacat. Perbelanjaan yang diperlukan adalah bergantung ke atas derma sukarela orang ramai.

Rancangan-rancangan Pertubuhan memang amat digalakkan memandangkan kerajaan benar-benar memerlukan bantuan badan sukarela dalam memperluaskan perkhidmatan kebajikan untuk orang cacat. Sejauhmana Pertubuhan OCCM telah mencapai matlamatnya akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi dalam bab-bab yang berikut.

#### NOTA BAB

18. Isi kandungan bab ini dipetik dan diubahsuaikan daripada Journal Tahunan Pertubuhan OCCM 1988, 1989 & 1990.